

# **UMS MoU bersama AEON**

Uraian 23.10.2014 26

**KOTA KINABALU 22 Okt.** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama AEON Co. (M)

Berhad (AEON) dalam aspek pembangunan mahasiswa khususnya latihan industri.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, MoU itu dilihat membuka peluang kepada mahasiswa terutama dari Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) bagi menjalani latihan berkenaan melalui Program Pembangunan Pengedar Lestari di bawah AEON.

“Malahirkan graduan yang berbakat besar dalam industri adalah sesuatu yang subjektif. Ini datang daripada pengalaman dan pemahaman individu tentang keperluan dunia industri itu sendiri.

“Kita berharap melalui MoU ini akan membawa kebaikan kepada warga UMS dan rakyat di negeri ini secara amnya,” katanya ketika ditemui di majlis menandatangani MoU itu di bangunan Canselori UMS di sini baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Ismail mewakili UMS manakala AEON oleh Pengurus Besar Sumber Manusia, Etsuko Eto.

Majlis berkenaan turut disaksikan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd. Said dan Pengurus Besar Kerugian, Pengurusan Kualiti dan Risiko AEON, Leftenan Kolonel (B) Yaacob Mahmud.

Di bawah 10 kluster Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan, UMS mewakili empat kluster iaitu pemborong dan peruncitan; hospitaliti dan pelancongan' minyak dan gas serta bioteknologi.